# TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN "RCB BIRTHDAY MONTH PRIVILEGES"

(GANJARAN BULANAN SEMPENA HARI JADI PELANGGAN RCB)

Kempen "RCB Birthday Month Privileges" ("Kempen") ini dilancarkan secara bersama-sama oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] ("PBB") dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 [14328-V] ("PIBB") (secara kolektif dikenali sebagai "Bank tersebut"). Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini.

## 1. Tempoh Kempen

1.1 Kempen ini akan dijalankan dari **1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021** [termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank ("Tempoh Kempen")].

## 2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Red Carpet (RCB) yang menyambut hari jadi dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) semasa Tempoh Kempen ("Peserta yang Layak"). Peserta yang Layak mesti mengekalkan amaun deposit minimum sebanyak RM300,000 dalam kombinasi sama ada Deposit Tetap Mata wang Asing (nilai bersamaan dengan Ringgit), Akaun Semasa Mata wang Asing/ Akaun-i Semasa (nilai bersamaan dengan Ringgit), Akaun Semasa/ Akaun-i Semasa, Akaun Simpanan/ Akaun-i Simpanan atau Deposit Tetap / e-Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i / e-Deposit Bertempoh-i untuk menyertai Kempen ini.

2.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB termasuk Pusat Perbankan Red Carpet (RCB) di Malaysia.

2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB and Public Investment Bank Berhad ("PIVB");
b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
c) orang yang tidak waras;
d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
e) orang yang akaunnya yang dipegang oleh PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

## 3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak merujuk yang berikut:-

a) Dana Unit Amanah (UA) Ekuiti / Berimbang/ Aset Bercampur Siri PB (UT) ["Dana yang Layak"]; atau
b) PB Smart Link / PB Smart Elite (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal) ("Insurans") yang ditaja jamin oleh AIA Berhad; atau
c) PB ExcelLink-i (Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal) ("Takaful") yang ditaja jamin oleh AIA PUBLIC Takaful Berhad.

3.2 Pada bulan hari jadi Peserta yang Layak semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak layak untuk kadar faedah / keuntungan promosi bagi peletakan deposit mereka di bawah Deposit Tetap PLUS (Konvensional) ("DT PLUS") atau Deposit-i Bertempoh (Islam) ("DB-i") seperti yang dinyatakan dalam Jadual A sekiranya mereka memenuhi kriteria yang berikut:-

a) mereka meletakkan deposit minimum sebanyak RM50,000 di bawah DT PLUS atau DB-i; dan
b) mereka berjaya melabur / membeli / mencarum apa-apa Produk yang Layak dengan amaun pelaburan minimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual B.

Peserta yang Layak dikehendaki melabur atau membeli atau mencarum apa-apa Produk yang Layak terlebih dahulu sebelum membuat peletakan deposit. Peletakan deposit mesti dibuat dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pelaburan / pembelian / pencaruman Produk yang Layak. Pelaburan / Pembelian / Pencaruman Produk yang Layak dan peletakan deposit mesti dibuat di cawangan atau Pusat RCB yang sama.

<u>Jadual A</u>

| **Amaun DT PLUS / DB-i** | **Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **UA/Insurans/Takaful : Nisbah DT PLUS / DB-i (2 : 1)** | | **UA/Insurans/Takaful : Nisbah DT PLUS/ DB-i (5 : 1)** | |
| | **Tempoh 6 Bulan** | **Tempoh 12 Bulan** | **Tempoh 6 Bulan** | **Tempoh 12 Bulan** |
| RM50,000 hingga kurang daripada RM100,000 | 3.00 | 2.45 | 5.30 | 3.60 |
| RM100,000 hingga kurang daripada RM300,000 | 3.60 | 2.75 | 7.30 | 4.60 |
| RM300,000 ke atas | 4.40 | 3.15 | 9.30 | 5.60 |

DT PLUS dan DB-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jadual B

| **UA / Insurans / Takaful : Nisbah DT PLUS / DB-i** | **Amaun Minimum (RM)** | | |
|---|---|---|---|
| | **UA / Insurans / Takaful** | **DT PLUS/ DB-i** | **Jumlah** |
| 2 : 1 | 100,000 | 50,000 | 150,000 |
| 5 : 1 | 250,000 | 50,000 | 300,000 |

Ilustrasi

Hari jadi pelanggan A disambut pada 5 Januari 2021. Pelanggan A layak untuk menyertai Kempen ini dari 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021.

3.3 Pemegang akaun UA atau pemilik polisi Insurans atau pemilik sijil Takaful mestilah salah SEORANG pemegang akaun DT PLUS/ DB-i, bagi akaun bersama.

Terma Khusus DT PLUS/ DB-i

3.4 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah DT PLUS / DB-i mestilah daripada dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya dari dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang hanya oleh seorang atau bersama-sama dengan orang lain dan dikekalkan dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana tersebut tidak lagi dianggap “dana baharu”.

3.5 Peletakan DB-i hanya diterima pakai untuk pelaburan dalam Dana Aset Ekuiti / Berimbang / Bercampur berasaskan Syariah Siri PB atau caruman Takaful.

3.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan DT PLUS / DB-i dalam beberapa resit (dalam amaun dan tempoh peletakan yang sama) dan peletakan mesti dibuat pada hari yang sama.

3.7 Peletakan DT PLUS / DB-i hanya untuk 6 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. DT PLUS / DB-i secara automatik akan diperbaharui selama tempoh 6 bulan atau 12 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB/PIBB dengan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dicampur kepada amaun pokok atau dikredit dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA / CASA-i) yang ditentukan oleh Peserta yang Layak apabila matang.

3.8 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang diterima pakai) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.

3.9 Apabila matang, faedah DT PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah pada amaun pokok atau dikredit dalam CASA/ CASA-i yang ditentukan oleh Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB/PIBB bagi pengkreditan faedah DT PLUS / keuntungan DB-i dalam CASA / CASA-i.

3.10 **Peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk apa-apa faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan) sekali pun.**

**Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DT PLUS / DB-i diperbaharui.**

3.11 Pengeluaran sebahagian peletakan DT PLUS / DB-i ini tidak dibenarkan.

3.12 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan DT PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan yang jelas dan tepat secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan yang berkaitan berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan tersebut. PBB dan PIBB berhak untuk tidak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen berkenaan, pada pandangan PBB atau PIBB, mengikut keadaannya, berbeza daripada tandatangan contoh dalam sistem PBB atau PIBB. Semua pindaan arahan seumpama itu hendaklah disahkan oleh penandatangan dibenarkan yang mana tandatangan ini hendaklah mengikut tandatangan contoh dalam sistem PBB atau PIBB.

3.13 Apa-apa peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan disandarkan sebagai cagaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan.

<u>Terma Khusus untuk UA</u>

3.14 Peserta yang Layak dibenarkan untuk melabur dalam pelbagai Dana yang Layak dengan syarat pelaburan itu dibuat pada hari yang sama di cawangan atau Pusat RCB yang sama.

3.15 Unit amanah yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:-

a) Pertukaran daripada dana beban kepada Dana yang Layak;
b) Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
c) Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian seperti *Public Mutual Online*;
d) Pelaburan dalam Dana e-Siri Public; dan/atau
e) Pelaburan dalam mana-mana dana Skim Persaraan Swasta.

3.16 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang disebut dalam Fasal 3.2 (b) di atas sekiranya pelaburan dalam Dana yang Layak dibatalkan semasa tempoh percubaan. Dalam hal ini, kadar faedah / keuntungan bagi peletakan deposit di bawah DT PLUS / DB-i akan ditukar kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB atau PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh DT PLUS / DB-i yang berkenaan.

3.17 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan untuk memberi Peserta yang Layak notis pertukaran tersebut terlebih dahulu.

3.18 "Tempoh percubaan" merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan mulai dari tarikh permulaan penerimaan borang permohonan pelaburan oleh Public Mutual Berhad (PMB) dan pembayaran kepada PMB. Tempoh percubaan berkenaan hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana dana unit amanah dengan PMB untuk kali pertama.

3.19 Pelaburan unit amanah juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

Terma Khusus untuk Insurans / Takaful

3.20 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 (b) di atas sekiranya Insurans / Takaful itu dibatalkan semasa "tempoh percubaan". Dalam keadaan sedemikian, kadar faedah / keuntungan bagi peletakan deposit di bawah DT PLUS / DB-i akan ditukarkan kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB atau PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh DT PLUS / DB-i berkenaan.

3.21 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan untuk memberi Peserta yang Layak notis terlebih dahulu mengenai pertukaran tersebut.

3.22 "Tempoh percubaan" merujuk tempoh lima belas (15) hari mulai tarikh penerimaan dokumen polisi atau sijil Takaful, mengikut keadaan, mengikut produk insurans / Takaful, sama ada ia dalam salinan keras e-Polisi atau e-sijil Takaful oleh Peserta yang Layak.

3.23 Pembelian insurans / caruman Takaful juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad.

Terma Lain

3.24 Deposit dalam DT PLUS / DB-i dan pelaburan atau pembelian atau pencaruman apa-apa Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak akan diuntukkan atau digunakan bagi apa-apa kempen atau promosi lain.

3.25 Kempen ini tidak sah dengan kempen dan/atau promosi lain yang sedang ditawarkan oleh PBB dan/atau PIBB.

## 4. Terma dan Syarat Lain

4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, DT PLUS dan DB-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, DT PLUS dan DB-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

4.2 Peserta yang Layak mengaku dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.

4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak, DT PLUS dan DB-i bagi tujuan Kempen ini.

4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab atau menerima tanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB dan PIBB berkaitan dengan Kempen ini.

4.5 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengehadan bagi yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini.

4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.

4.8 PBB dan PIBB berhak untuk membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis melalui laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau PIBB, atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB atau PIBB dari semasa ke semasa.

4.9 PBB dan PIBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau pembatalan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB dan PIBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.

4.10 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaaan PBB/PIBB yang menyatakan bagaimana PBB atau PIBB menggunakan maklumat mereka melalui www.pbebank.com atau www.publicislamicbank.com.my atau mana-mana cawangan PBB atau PIBB.

**********************************************************************

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

**********************************************************************